

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)29

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

29. Huraikan jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan dalam pembangunan Batu Kawan Industrial Park (BKIP) 3.
- (a) Adakah peruntukan ini merangkumi penaiktarafan persimpangan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Keng Koon dan Tol arah Utara?
 - (b) Huraikan status penaiktarafan persimpangan Jalan Bukit Tambun dan Jalan Kawasan Perindustrian Bukit Minyak.
 - (c) Adakah Jabatan Kerja Raya (JKR) mengemukakan permohonan untuk penaiktarafan jejambat Jalan Perusahaan Valdor dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13)?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

29. Sehingga kini, maklumat yang diperolehi oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), peruntukan ini adalah di bawah RMK-12 Kerajaan Persekutuan yang diluluskan di bawah Kementerian Ekonomi untuk Infrastruktur Fasa 1A BKIP3 berjumlah RM35.0 juta. Peruntukan ini adalah bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan infrastruktur di Taman Perindustrian PDC, Bandar Cassia, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Skop projek adalah kerja pembinaan jalan, perparitan, perabot jalan, pemasangan air retikulasi, paip pembedungan, pembinaan jambatan

dan pemasangan lampu jalan dan telekom. Tempoh pelaksanaan projek adalah 16 bulan.

- (a) Peruntukan ini tidak merangkumi projek menaiktaraf persimpangan SJKC Keng Koon dan tol arah utara.
- (b) JKR Pulau Pinang telah mengemukakan cadangan projek menaiktaraf Jalan Bukit Tambun dan Jalan Kawasan Perindustrian Bukit Minyak dalam Program Pembangunan di bawah Kementerian Kerja Raya RMK-12 RP5 dan akan mengangkat semula di bawah RMK-13 untuk kelulusan.
- (c) JKR Pulau Pinang sedang memperincikan kos projek menaiktaraf Jejambat Jalan Perusahaan Valdor dan dalam proses mengemaskini permohonan RMK-13 di bawah program pembangunan Kementerian Kerja Raya.